

ISI KANDUNGAN

<u>BIL.</u>	<u>TAJUK</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.	Pengenalan	1-2
2.	Logo Syarikat	3-5
3.	Latar Belakang Perniagaan	6-8
4.	Latar Belakang Pemegang Saham	9-14
5.	Rancangan Pentadbiran	15-30
6.	Rancangan Pemasaran	31-44
7.	Rancangan Operasi	45-57
8.	Rancangan Kewangan	58-71
9.	Kesimpulan	72
10.	Lampiran	

PENGENALAN

PAPERMILLS GALLERY SDN. BHD. bertempat di Jejawi di mana ia terletak di kawasan perindustrian yang sedang pesat membangun dari segi pembangunan ekonomi, perindustrian dan juga teknologi. Di samping pertumbuhan ekonomi yang sedang pesat membangun maka banyakkah syarikat-syarikat yang mula di tubuhkan seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan di kawasan tapak projek ini.

Bidang perniagaan yang kami pilih dan ceburi ialah menjalankan aktiviti pengeluaran kertas dari kertas-kertas yang terpakai. Kami memilih industri ini kerana ianya belum lagi dijalankan secara komersil dan meluas di kawasan utara khususnya. Tambahan pula, kami dapat menjangkakan bahawa perniagaan seperti ini dapat maju pada masa sekarang dan masa hadapan kerana memandangkan bidang penggunaanya yang makin meluas.

PAPERMILLS GALLERY SDN. BHD. merupakan sebuah syarikat pengeluaran kertas yang dimiliki oleh 100 % Bumiputera yang di tubuhkan untuk memenuhi kehendak para pelanggannya. Walaupun kami terpaksa bersaing dengan syarikat-syarikat lain yang turut sama mengeluarkan kertas, tetapi kami tidak mudah putus semangat untuk memajukan perusahaan kami sehingga berjaya.

PAPERMILLS GALLERY SDN. BHD. akan memulakan operasi perniagaannya pada 1hb Januari 1999 dan beroperasi di Lot 1659, Jalan Sematang, Fasa 2 Kawasan Perindustrian Jejawi, 02500 Mukim Jejawi, Negeri Perlis.

Kedudukan yang strategik akan memudahkan pelanggan mendapatkan produk yang kami keluarkan. Dengan keyakinan dan kerjasama dari semua ahli dalam PAPERMILLS GALLERY SDN. BHD., Insyallah perniagaan kami akan mencapai objektif dan seterusnya meningkatkan prestasi perniagaan dari masa ke semasa dan dapat bertahan serta mampu untuk terus maju ke hadapan.

TUJUAN.

Rancangan Perniagaan perlu dan penting disediakan untuk beberapa tujuan dan kepentingan. Antaranya :

- (1) Rancangan Perniagaan ini boleh menjadi garis panduan kepada kami untuk menguruskan perniagaan harian yang lebih berkesan dan sistematik.
- (2) Rancangan Perniagaan ini juga bertujuan meyakinkan pihak-pihak tertentu terutamanya terutamanya institusi-institusi kewangan mengkaji, menganalisa dan menilai sejauhmana projek yang dijalankan itu mempunyai potensi untuk maju dalam mendapatkan pinjaman dan kemudahan.
- (3) Membuat ramalan serta mengenalpasti masalah-masalah yang mungkin timbul di masa hadapan dan merancang langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya dengan lebih awal lagi.
- (4) Penyediaan Rancangan Perniagaan yang kukuh, padat dan jitu dapat menarik minat dan memberi sepenuh keyakinan kepada pelanggan-pelanggan atau syarikat-syarikat dan lain-lain untuk terus mendapatkan barangan yang dikeluarkan oleh syarikat ini.
- (5) Rancangan Perniagaan ini dapat memberi motivasi kepada golongan pekerja dalam menyumbangkan tenaga mereka selaras dengan matlamat syarikat.
- (6) Rancangan Perniagaan ini juga menyediakan maklumat yang lengkap untuk pelanggan-pelanggan yang mengutamakan kualiti, harga yang berpatutan dan ketetapan masa.

**LATAR
DELANJANG
PERNIAGAAN**

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Nama perniagaan : PAPERMILLS GALLERY SDN. BHD.

Alamat perniagaan : Lot 1659, Jalan Sematang,
Fasa 2 Kawasan Perindustrian Jejawi,
02500 Mukim Jejawi, Negeri Perlis.

Alamat surat-menyurat : -SDA-

No. Telefon : 04-9866355

No. Faksimili : 04-9866354

Bentuk perniagaan : Sendirian Berhad

Kegiatan utama : Mengeluarkan kertas dalam tiga (3) saiz iaitu A4, F4, dan A3.

Tarikh mula perniagaan : 1hb Januari 1999

Tarikh pendaftaran : 31hb Disember 1998

Modal permulaan : RM 240,000.00

Institusi kewangan : Bank Islam Malaysia Berhad.